

PERKAMPUNGAN BUDAYA, TERACHI
NEGRI SEMBILAN DARUL KHUSUS

1. Pada pertengahan 1992 Kerajaan Negri, Negri Sembilan Darul Khusus, mengumumkan penubuhan satu perkampungan budaya. Perkampungan ini akan dibina dalam kawasan luak adat Terachi Negri Sembilan.

Kertas ini memuatkan satu cadangan ringkas konsep perkampungan budaya itu. Kertas lebih terperinci tentang aspek-aspek teknikal perkampungan ini perlu disediakan sebagai susulan untuk memandu penubuhan dan perkembangan perkampungan itu selanjutnya.

2. Tujuan Penubuhan Perkampungan Budaya

Satu keistimewaan yang ada pada masyarakat Negri Sembilan ialah adat perpatihnya. Adat ini mempunyai ciri-ciri yang boleh dimanfaatkan ke dalam asas pemikiran pembangunan dalam kerangka wawasan 2020.

Justru itu, perkampungan budaya akan dapat;

- i. Menimbulkan semula kesedaran masyarakat setempat, Negeri Sembilan Darul Khusus dan Malaysia tentang adat perpatih, ciri keistimewaannya.
- ii. Menjadi satu pusat pembelajaran adat perpatih.
- iii. Menjana pertumbuhan sosio-ekonomi berasaskan budaya.
- iv. Menjadi satu destinasi dalam pembinaan jejaring pelancungan di Negri Sembilan Darul Khusus.

3. Perkampungan Budaya Negri Sembilan Darul Khusus.

a. Dalam Gambarajah 1, ciri-ciri utama perkampungan budaya itu nanti perlu menyediakan rumah model dari semua luak adat Negri Sembilan. Rumah itu harus lengkap dan setiap bahagian menggambarkan budaya setempat.

Berkemungkinan juga satu rumah model Minangkabau Pagar Ruyung dibina sebagai satu perbandingan dan justeru itu menunjukkan pengubahsuaian untuk penyesuaian dengan keadaan setempat.

b. Perkampungan budaya memerlukan satu rangkaian kegiatan sokongan dari kawasan setempat terutamanya di sekitar perkampungan itu. Antara kegiatan sokongan itu termasuk, hal-hal budaya yang berkaitan dengan musik, pertanian, pembuatan, makanan dan seterusnya.

3.1. Perkampungan Budaya dan Jangkaan Limpahannya.

Gambarajah 2 menunjukkan jangkaan limpahan yang boleh diperolehi menerusi perkampungan budaya ini.

Limpahan langsung terdiri daripada perkembangan seterusnya pertanian, perikanan dan perhutanan, dusun, bunga-bunga, sayur-sayuran, industri kampung, perdagangan.


Limpahan tidak langsung merangkumi perkembangan perkhidmatan, pengangkutan dan perjalanan, penginapan dan restoren, dan pengurusan pelancungan.

3.2 Rangkaian Destinasi Pelancungan Daratan Negri Sembilan Darul Khusus.


Daripada gambarajah 3 perkampungan budaya boleh dikaitkan dengan beberapa pusat rekreasi dan senggang setempat dan pusat yang berhampiran.

4. Perkampungan Budaya: Potensinya.

Oleh kerana ciri-ciri tersendiriya perkampungan budaya adat perpatih, keseluruhan kompleks perkampungan berpotensi bukan sahaja sebagai pusat warisan budaya dan sejarah tetapi juga sebagai pusat pembelajaran budaya dalam adat perpatih serta suatu destinasi pelancongan yang istimewa.



Gambarajah 2: Jangkaan Limpahan Sosio-Ekonomi



Gambarajah 3: Hubungan Perkampungan Budaya Dan Destinasi Pelancongan Di Sekitarnya.

